 - 1.8. “**RHB Commercial Card/ Card-i Application Form**” means the form used by you to apply for the facility and appoint/nominate the Cardholders and assign the Credit Limit for the Corporate Card-i and to be duly executed by both your authorized person and the Cardholder.
 - 1.9. “**Facility**” means the Corporate Card-i facility where we will grant you a corporate Credit Limit and issue, subject to our approval, the Corporate Card-i (s) in name of the Cardholder with the Credit Limit for each Corporate Card-i as specified by you in the RHB Commercial Card/ Card-i Application Form.
2. The Corporate Card-i Facility
 - 2.1. During its currency and subject to the Terms and Conditions of use herein set out as modified and stipulated by RHB from time to time, the Corporate Card-i entitles the Cardholder to credit card facilities with RHB within the Credit Limit imposed by RHB and, subject to the express approval of RHB, to other banking facilities and services provided to the Cardholder from time to time.

- 2.2. The said Corporate Card-i facilities presently for purchase of goods and/or services from any merchant.
- 2.3. No withdrawal of cash and Cash Advance.
3. Company's Authority
 - 3.1. The Company do hereby authorise the Cardholder to hold the Corporate Card-i and utilise the facilities of the Corporate Card-i for and on behalf of the Company
4. Authorized Signatory
 - 4.1. We will require you to assign at least one (1) Authorized Signatory to give or receive communication, to execute all necessary documents and to do all acts and perform all administrative duties on your behalf in relation to the principal Account. You may assign up to two (2) Authorized Signatories subject to the Bank's approval.
 - 4.2. We are authorized, but not obliged, to rely upon and act in accordance with any communication which may from time to time be, or purported to be, given by the Authorized Signatory on your behalf without making any additional inquiry or verification as to the identity or authority of the person making or purporting to make such communication beyond the verification process.
 - 4.3. We are entitled, but not obliged, to treat any written communication from the Authorized Signatory as authentic and validly authorized by you and binding upon you. We may in good faith and without liability to us rely on such communication as we may consider appropriate, whether such communication –
 - 4.3.1. is to pay money or otherwise to debit or credit the principal Account;
 - 4.3.2. relates to disposition of any security or document, if applicable;
 - 4.3.3. relates to the change of your, the Authorized Signatory's or the Cardholder's contact details; or
 - 4.3.4. to commit you to any arrangement whatsoever, regardless of any error or misunderstanding or lack of clarity or details in the terms of such communication.
 - 4.4. The Bank may refuse to act on any instructions given by the Authorized Signatory and/or you if such instructions are inconsistent with any applicable law, rule or other regulatory requirement of any jurisdiction, domestic or foreign, or any agreement entered into with and between authorities or if we reasonably believe that by carrying out the instructions we might break a law or regulation or other duty that applies to you or them as well as block the Account, as the case may be, and any payments and/or transactions.
 - 4.5. If we decide not to act on any such communication, we will promptly notify the Authorized Signatory our reason for not acting on such communication.
 - 4.6. If you wish to replace any Authorized Signatory, you must give us your written instruction, your board of directors' resolution in the format acceptable to us and any such document as may be requested by us. Any change of Authorized Signatory will only take effect after our receipt of all the relevant documents required by us.
 - 4.7. We may, as we deem fit, provide for additional verification process including but not limited to verification via telephone, electronic mail or SMS confirmatory authorization, or more than one of the above.
 - 4.8. You must communicate to us immediately upon your awareness or knowledge of any communication which is unauthorized, unclear, incomplete or given in error, forged or fraudulently.
 - 4.9. We will use reasonable efforts to comply if you wish to recall, cancel or amend an earlier communication that you have given.

5. Account and Cards

5.1. RHB will issue the Corporate Card-i on the Account bearing your name and those of your designated employees as requested by you in writing to us.

5.2. RHB reserves the right to: -

(a) require each prospective Cardholder to complete the application form for the Corporate Card-i;

(b) impose a minimum income requirement for Cardholder in accordance with its usual risk management criteria;

(c) carry out credit checks on the Company and/or the Cardholder, subject to applicable legal requirements. This includes, but is not limited, to obtaining credit reports from credit reporting agencies;

(d) decline to issue, renew or replace a Corporate Card-i to any person;

(e) cancel or suspend the use of a Corporate Card-i at any time either generally or in relation to a particular transaction.

5.3. We shall renew and replace the Corporate Card-i, subject to 4.2 above, unless the Company or the Cardholder direct otherwise.

6. Subject to the terms herein, Cardholders shall be eligible for Cash Rebate in the following manner:

6.1. Earn 0.5% Cash Rebate for every Ringgit Malaysia spent on local except for cash advance, petrol, government, charity charges, JomPAY and FPX transaction.

6.2. Earn 1% Cash Rebate for every Ringgit Malaysia spent on oversea except for cash advance, petrol, government, charity charges, JomPAY and FPX transaction.

6.3. The Cash Rebate is accumulated in a monthly basis which shall commence from date of issue the Corporate Card-i.

6.4. The reward/rebate programme is applicable to the Cardholders with active and good conduct of account, not blocked code, cancelled or terminated by the RHB.

6.5. RHB reserves the right to modify and / or alter the Cash Rebate percentages at any time with notice to the Cardholder and such modifications and alterations shall become effective on such date or dates as RHB may elect to adopt.

7. Credit Limit

7.1. RHB shall at its sole discretion specify the Cardholder's Credit Limit with RHB for the purpose of these Terms and Conditions.

7.2. Where the Company operates two (2) or more Corporate Card-i with RHB, a combined Credit Limit will be assigned to the Company representing the total credit limit extended to cover the use of all the Corporate Card-i-i held by the Company and its add-on Cardholder, if any.

7.3. The Company and Cardholder hereby covenant that he/she shall not exceed his/her Credit Limit in using the Card and shall make good any excess thereof immediately upon receipt of the monthly statement of Account.

7.4. Subject to Clause 2.3 the Company or the Cardholder is not allowed to effect cash withdrawal and Cash Advance from the available credit limit.

8. Liability

- 8.1. You and/or the Cardholder are jointly and severally and/or solely liable/or individually liable for all charges on the Corporate Card-i.
- 8.2. You must notify us immediately as soon as you become aware or have reason to suspect that a Corporate Card-i is lost or stolen or if a Corporate Card-i or the Account is at risk of being misused and you shall write to RHB within three (3) days of such incident to confirm such loss or theft or risk.
- 8.3. Until and unless RHB receives such written confirmation referred to in 8.2 above, you and/or the Cardholder shall remain liable for all charges incurred prior thereto by the use of the Corporate Card-i whether authorized by the Cardholder or not.
- 8.4. You agree to provide us with reasonable assistance to collect all overdue amounts from Cardholders, including but not limited to details of the Cardholder's last known address and telephone number, the use of the Corporate Card-i or Account by the Cardholder and reimbursement by you of charges incurred by the Cardholder. For the avoidance of doubt, you shall remain liable for all overdue amounts from the Corporate Card-i Cardholders if the Bank fails to receive the payments due and owing to the Bank under these Terms and Conditions.
- 8.5. You must notify us immediately if a Cardholder's authority to incur charges ceases due to termination of employment or any other reason. You shall remain jointly and severally liable and/or solely liable or individually liable with the Cardholder to pay us for all charges incurred until we receive notice of such termination from you.
- 8.6. You shall use your best efforts to collect and destroy the Corporate Card-i issued to individuals whose authority to incur charges has ceased due to termination of employment for any reason or whose Corporate Card-i have been cancelled.

Joint & Several Liability

The Company is liable for the total debt of every Corporate Card-i issued in its name together with each Cardholder (e.g. the employee) who shall be jointly liable for debts incurred under the Corporate Card-i issued to the individuals.

Sole Liability

Company which chooses to be solely responsible for all liabilities arising from the Corporate Card-i, will be responsible to pay all Cardholders' charges.

9. Without prejudice to the generality of the foregoing clauses in these Terms and Conditions, if any one or more of the following shall occur:
 - 9.1. The Cardholder abuses the programme in any manner whatsoever; or
 - 9.2. The Cardholder commits any fraud or misrepresents any information supplied or to be supplied by the Cardholder.Then the Bank shall be entitled to revoke all rights accorded to the Cardholder under the Corporate Card-i.
10. RHB's decision is final and no correspondence disputing RHB's decision will be entertained.
11. RHB reserves the right to add, delete, alter or amend any of these Terms and Conditions at any time by providing at least twenty one (21) calendar days prior notice before the effective date. At the discretion of the Bank, notice of such additions or modifications or amendments may be effected by:

- 11.1. Displaying the same at the premises of the Bank or its branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardholder; or
- 11.2. Sending notice of the same by SMS or electronic mail to the Cardholder or by posting the notice of the same on RHB's website.

Such changes will apply on the effective date specified by RHB and will apply to all outstanding balances in the Visa Account. Retention or use of the Corporate Card-i after the effective date of any change of Terms and Conditions shall be deemed to constitute acceptance of such changes without reservation by the Cardholder.

12. RHB shall not be responsible or liable to any Cardholder for any inconvenience, loss or damage or embarrassment incurred or suffered by Cardholder as a consequence of, but not limited to:
 - a) any malfunction, defect or error in any terminal, or other machines, or system of authorization, howsoever caused; or
 - b) any rejection of Corporate Card-i or PIN by any terminal at the partner merchants' outlets or any failure to effect or complete any transaction howsoever caused; or
 - c) any delay or inability on the part mechanical, system, data processing or telecommunication defect or failure, or any event outside its control or the control of any of the partner merchants; or
 - d) any delay, inability or refusal on the part of the partner merchant to perform any of their obligations pursuant to their partner merchant's agreement for any reason whatsoever.
13. The relevant Terms and Conditions highlighted herein are correct and applicable at the time of printing. Please refer to RHB website at www.rhbgroup.com for any future updates on the Corporate Card-i.

RHB ISLAMIC BANK BERHAD TERMA DAN SYARAT KAD KORPORAT-i RHB.

RHB Islamic Bank Berhad Terma dan Syarat Kad Korporat-i RHB (selepas ini dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”) berikut akan menetapkan penggunaan Kad Kredit Korporat-i RHB dan Kad Caj Korporat-i RHB (selepas ini dirujuk sebagai "Kad Korporat-i") dan dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank Berhad yang terikat kepada Pemegang Kad/Syarikat. Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan RHB Islamic Bank Perkhidmatan Kad Kredit-i & Caj-i Perjanjian Pemegang Kad Visa (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian") sebelum menerimanya. Pemegang Kad/Syarikat dianggap telah menerima Terma dan Syarat dan Perjanjian ini serta akan terikat oleh Pemegang Kad/Syarikat dengan menandatangani atau dengan penggunaan Kad Korporat-i.

1. Dalam Terma dan Syarat ini, definisi terma adalah seperti yang dinyatakan di bawah, kecuali jika konteksnya menghendaki yang lain:
 - 1.1. Istilah “**kami**”, “**Bank**”, “**RHB**” bermaksud RHB Islamic Bank Berhad. Istilah “**anda**” bermaksud Syarikat yang memohon untuk Akaun tersebut.
 - 1.2. “**Akaun**” bermaksud Akaun Kad Kredit Korporat-i RHB atau Akaun Kad Caj Korporat-i RHB anda.
 - 1.3. “**Penandatanganan Sah**” bermaksud mana-mana orang yang dinamakan oleh anda dalam Borang Permohonan atau dengan arahan bertulis kepada RHB dari semasa ke semasa yang diberi kuasa untuk memberi sebarang komunikasi kepada RHB, untuk menerima sebarang komunikasi daripada RHB dan untuk melaksanakan semua tugas pentadbiran bagi pihak anda.
 - 1.4. “**Pemegang Kad**” bermaksud orang yang dilantik/dinamakan oleh anda melalui Borang Permohonan yang mana kad dikeluarkan kepadanya dan namanya tertera di Kad Korporat-i.
 - 1.5. “**Rebat Tunai**” bermaksud wang tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad untuk transaksi runcit yang dicaj ke atas kad kecuali untuk transaksi pendahuluan tunai, petrol, kerajaan dan badan amal.
 - 1.6. “**Had Kredit**” bermaksud had yang dikenakan oleh RHB terhadap anda untuk penggunaan Kad Korporat-i.
 - 1.7. “**Syarikat**” bermaksud syarikat, firma atau organisasi yang namanya tertera di Kad Korporat-i dan Borang Permohonan Kad/ Kad-i Komersial RHB.
 - 1.8. “**Borang Permohonan**” bermaksud Borang Permohonan Kad/ Kad-i Komersial RHB yang digunakan oleh anda untuk memohon kemudahan tersebut dan melantik/mencalonkan Pemegang Kad dan menentukan Had Kredit untuk Kad Komersial-i dan disempurnakan dengan sebaiknya oleh orang yang diberi kuasa oleh anda dan Pemegang Kad.
 - 1.9. “**Kemudahan**” bermaksud kemudahan Kad Korporat-i di mana kami akan memberikan anda Had Kredit korporat dan mengeluarkan, tertakluk kepada kelulusan kami, Kad Korporat-i tersebut atas nama Pemegang Kad dengan Had Kredit bagi setiap Kad Korporat-i yang ditentukan oleh anda dalam Borang Permohonan.

2. Kemudahan Kad Korporat-i
 - 2.1. Semasa tempoh penggunaannya dan tertakluk kepada Terma dan Syarat penggunaan di sini yang diubahsuai dan ditetapkan oleh RHB dari semasa ke semasa, Kad Korporat-i melayakkan Pemegang Kad untuk kemudahan kad kredit dengan RHB dalam Had Kredit yang ditetapkan oleh RHB dan, tertakluk kepada kelulusan oleh RHB, untuk kemudahan dan perkhidmatan perbankan lain yang disediakan kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa.
 - 2.2. Kemudahan Kad Korporat-i tersebut pada masa ini adalah untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada mana-mana penjual.
 - 2.3. Tiada pengeluaran tunai dan Pendahuluan Tunai
3. Kuasa Syarikat
 - 3.1. Syarikat dengan ini memberi kuasa kepada Pemegang Kad untuk memegang Kad Korporat-i tersebut dan menggunakan kemudahan Kad Korporat-i untuk dan bagi pihak Syarikat
4. Penandatanganan Sah
 - 4.1. Kami memerlukan anda untuk melantik sekurang-kurangnya satu (1) Penandatanganan Sah untuk memberi atau menerima komunikasi, untuk melaksanakan semua dokumen yang perlu dan melakukan semua tindakan dan menjalankan semua tugas pentadbiran bagi pihak anda berhubung dengan Akaun. Anda boleh menetapkan sehingga dua (2) Penandatanganan Sah tertakluk kepada kelulusan Bank.
 - 4.2. Kami diberi kuasa, tetapi tidak diwajibkan, untuk bergantung kepada dan bertindak mengikut mana-mana komunikasi yang mungkin dari semasa ke semasa yang diberikan, atau didakwa diberikan, oleh Penandatanganan Sah bagi pihak anda tanpa membuat sebarang pertanyaan atau pengesahan tambahan mengenai identiti atau kuasa orang yang memberi atau didakwa memberi komunikasi tersebut di luar proses pengesahan.
 - 4.3. Kami berhak, tetapi tidak diwajibkan, untuk menganggap apa-apa komunikasi bertulis daripada Penandatanganan Sah sebagai sah dan dibenarkan oleh anda dan mengikat anda. Kami mungkin akan bergantung kepada komunikasi tersebut dengan sangka baik dan tanpa liabiliti kepada kami sebagaimana yang kami anggap sesuai, sama ada komunikasi tersebut –
 - 4.3.1. adalah untuk membayar wang atau sebaliknya untuk mendebitkan atau mengkreditkan Akaun;
 - 4.3.2. berkaitan dengan pelupusan mana-mana sekuriti atau dokumen, jika berkenaan;
 - 4.3.3. berhubung dengan perubahan butir-butir hubungan anda, Penandatanganan Sah atau Pemegang Kad; atau
 - 4.3.4. untuk mengikat anda kepada sebarang pengaturan, tanpa mengambil kira apa-apa kesilapan atau salah faham atau ketidakjelasan atau butir-butir dalam terma komunikasi tersebut.
 - 4.4. Bank boleh menolak untuk bertindak mengikut sebarang arahan yang diberikan oleh Penandatanganan Sah dan/atau anda jika arahan itu tidak konsisten dengan mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan pengawalseliaan lain dalam mana-mana bidang kuasa, domestik atau asing, atau apa-apa perjanjian yang terikat dengan dan di antara pihak berkuasa atau jika kami dengan munasabah mempercayai bahawa dengan melaksanakan

arahan tersebut, kami mungkin melanggar undang-undang atau peraturan atau tugas lain yang berkenaan dengan anda atau mereka serta menyekat Akaun, sebagaimana yang berkenaan, dan apa-apa pembayaran dan/atau transaksi.

- 4.5. Sekiranya kami membuat keputusan untuk tidak bertindak mengikut sebarang komunikasi tersebut, kami akan segera memaklumkan sebab kami untuk tidak bertindak mengikut komunikasi tersebut kepada Penandatanganan Sah .
 - 4.6. Jika anda ingin menggantikan mana-mana Penandatanganan Sah, anda perlu memberikan arahan bertulis kepada kami, resolusi lembaga pengarah anda dalam format yang diterima oleh kami dan mana-mana dokumen yang diminta oleh kami. Sebarang perubahan Penandatanganan Sah hanya akan berkuatkuasa selepas penerimaan semua dokumen yang diperlukan oleh kami.
 - 4.7. Kami mungkin, sebagaimana yang kami anggap patut, memberikan proses pengesahan tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan melalui telefon, mel elektronik atau kebenaran pengesahan SMS, atau lebih daripada satu di atas.
 - 4.8. Anda perlu memaklumkan kepada kami dengan serta-merta sekiranya anda menyedari atau mengetahui tentang mana-mana komunikasi yang tidak sah, tidak jelas, tidak lengkap atau diberikan dengan kesilapan, palsu atau dengan niat untuk menipu.
 - 4.9. Kami akan berusaha dengan munasabah untuk mematuhi sekiranya anda ingin menarik balik, membatalkan atau meminda komunikasi terdahulu yang telah anda berikan.
5. Akaun dan Kad
- 5.1. RHB akan mengeluarkan Kad Korporat-i atas Akaun dengan nama anda dan pekerja anda yang ditetapkan seperti yang diminta oleh anda secara bertulis kepada kami.
 - 5.2. RHB berhak untuk: -
 - (a) memerlukan setiap prospektif Pemegang Kad untuk melengkapkan Borang Permohonan bagi Kad Korporat-i;
 - (b) mengenakan syarat pendapatan minimum untuk Pemegang Kad berdasarkan kriteria pengurusan risiko yang lazim;
 - (c) menjalankan pemeriksaan kredit ke atas Syarikat dan/atau Pemegang Kad, tertakluk kepada keperluan undang-undang yang berkenaan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad, kepada mendapatkan laporan kredit daripada agensi pelaporan kredit;
 - (d) menolak untuk mengeluarkan, memperbaharui atau menggantikan Kad Korporat-i kepada sesiapa pun;
 - (e) membatalkan atau menggantung penggunaan Kad Korporat-i pada bila-bila masa sama ada secara amnya atau berkaitan dengan transaksi tertentu.
 - 5.3. Kami akan memperbaharui dan menggantikan Kad Korporat-i, tertakluk kepada 4.2 di atas, melainkan jika Syarikat atau Pemegang Kad mengarahkan sebaliknya.
6. Tertakluk kepada terma di sini, Pemegang Kad layak menerima Rebat Tunai dengan cara berikut:
- 6.1. Perolehi Rebat Tunai sebanyak 0.5% untuk setiap Ringgit Malaysia yang dibelanjakan dalam negara kecuali pendahuluan tunai, caj petrol, kerajaan, badan amal, JomPay dan transaksi FPX.

- 6.2. Perolehi Rebat Tunai 1% untuk setiap Ringgit Malaysia yang dibelanjakan di luar negara kecuali pendahuluan tunai, caj petrol, kerajaan, badan amal, JomPay dan transaksi FPX.
 - 6.3. Rebat Tunai dikumpul secara bulanan yang bermula dari tarikh pengeluaran kad tersebut.
 - 6.4. Program ganjaran/rebat boleh diguna pakai oleh PemegangKad yang mempunyai akaun aktif dan digunakan dengan baik, tidak disekat kod, dibatalkan atau ditamatkan oleh RHB.
 - 6.5. RHB berhak untuk mengubahsuai dan/atau mengubah peratusan Rebat Tunai pada bila-bila masa dengan notis yang mencukupi kepada Pemegang Kad dan apa-apa pengubahsuaian dan perubahan akan berkuatkuasa pada tarikh atau tarikh-tarikh penguatkuasaan yang dipilih oleh RHB.
 - 6.6. Semua perbelanjaan atau pembayaran runcit Kad Korporat-i melalui JomPay dan FPX tidak layak menerima Rebat Tunai dan mata ganjaran.
7. Had Kredit
- 7.1. RHB akan menentukan Had Kredit Pemegang Kad/Syarikat dengan RHB mengikut budi bicara mutlaknya untuk tujuan terma dan syarat ini.
 - 7.2. Sekiranya Syarikat memiliki dua (2) atau lebih Kad Korporat-i dengan RHB, Had Kredit gabungan akan ditetapkan kepada Syarikat yang mewakili jumlah had kredit yang disediakan merangkumi penggunaan semua Kad Korporat-i yang dipegang oleh Syarikat dan Pemegang Kad tambahannya, jika ada.
 - 7.3. Syarikat dan Pemegang Kad dengan ini berjanji tidak akan melebihi Had Kredit dalam penggunaan Kad Korporat-i dan akan membayar sebarang lebihannya sebaik sahaja menerima penyata bulanan Akaun.
 - 7.4. Tertakluk kepada Klausula 2.3 Syarikat atau Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk menjalankan pengeluaran tunai dan Pendahuluan Tunai daripada had kredit yang ada.
8. Liabiliti
- 8.1. Anda dan/atau Pemegang Kad bertanggungjawab secara bersama dan berasingan dan/atau bertanggungjawab secara tunggal/atau bertanggungjawab secara individu untuk semua caj ke atas Kad Korporat-i.
 - 8.2. Anda mesti memaklumkan kami dengan segera sebaik sahaja anda sedar atau mengesyaki bahawa Kad Korporat-i telah hilang atau dicuri atau jika Kad Korporat-i atau Akaun mempunyai risiko untuk disalahgunakan dan anda perlu menulis kepada RHB dalam masa tiga (3) hari selepas waktu kejadian untuk mengesahkan kehilangan atau kecurian atau risiko tersebut.
 - 8.3. Sehingga dan melainkan jika RHB telah menerima pengesahan bertulis yang dirujuk dalam 8.2 di atas, anda dan/atau Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas semua caj yang dibuat sebelum ini dengan menggunakan Kad Korporat-i sama ada dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak.
 - 8.4. Anda bersetuju untuk memberikan kami bantuan yang munasabah untuk mendapatkan semua jumlah yang tertunggak daripada Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran alamat terakhir dan nombor telefon yang diketahui oleh Pemegang Kad, penggunaan Kad Korporat-i atau Akaun oleh Pemegang Kad dan pembayaran balik oleh anda terhadap caj yang dibuat oleh Pemegang Kad. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, anda akan tetap bertanggungjawab untuk semua jumlah yang tertunggak daripada Pemegang

Kad sekiranya Bank gagal menerima pembayaran yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah terma dan syarat ini.

- 8.5. Anda perlu memaklumkan kami dengan segera sekiranya kuasa Pemegang Kad untuk menanggung caj terhenti akibat penamatan pekerjaan atau apa-apa sebab lain. Anda akan kekal bertanggungjawab secara bersama dan berasingan dan/atau bertanggungjawab secara tunggal atau bertanggungjawab secara individu dengan Pemegang Kad untuk membayar kami bagi semua caj yang ditanggung sehingga kami menerima notis penamatan tersebut daripada anda.
- 8.6. Anda hendaklah memberi usaha terbaik anda untuk mendapatkan semula dan memusnahkan Kad Korporat-i yang dikeluarkan kepada individu yang mana kuasa untuk membuat caj telah terhenti akibat penamatan pekerjaan atas sebarang sebab atau yang mana Kad Korporat-i telah dibatalkan.

Liabiliti Bersama & Berasingan

Syarikat bertanggungjawab untuk jumlah hutang setiap Kad Korporat-i yang dikeluarkan atas namanya bersama-sama dengan setiap Pemegang Kad (contohnya pekerja) yang akan bertanggungjawab secara bersama untuk hutang yang ditanggung bagi Kad Korporat-i yang dikeluarkan kepada individu tersebut.

Liabiliti Tunggal

Syarikat yang memilih untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua liabiliti yang timbul daripada Kad Korporat-i, akan bertanggungjawab untuk membayar balik semua caj Pemegang Kad.

9. Tanpa menjejaskan keumuman klausa-klausa di atas dalam Terma dan Syarat ini, jika mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut berlaku:
 - 9.1. Pemegang Kad menyalahgunakan program dengan apa jua cara; atau
 - 9.2. Pemegang Kad melakukan sebarang penipuan atau menyalahgambarkan apa-apa maklumat yang dibekalkan atau yang akan dibekalkan oleh Pemegang Kad.Dengan itu RHB berhak untuk membatalkan semua hak yang diberikan kepada Pemegang Kad.
10. Keputusan RHB adalah muktamad dan tidak akan melayan sebarang pertikaian keputusan RHB.
11. RHB berhak menambah, memadam, mengubah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan menyediakan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis sebelum tarikh berkuatkuasa. Atas budi bicara RHB, notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan itu boleh dibuat dengan:
 - 11.1. Memaparkannya di premis Bank atau pejabat cawangannya atau dengan menghantar notis yang disebut kepada Pemegang Kad; atau
 - 11.2. Menghantar notis yang sama melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau dengan memaparkan notis tersebut di laman web RHB.

Perubahan tersebut akan dilaksanakan pada tarikh kuat kuasa yang ditetapkan oleh RHB dan akan digunakan untuk semua baki yang belum dijelaskan dalam Akaun Visa. Pengekalan atau

penggunaan Kad Korporat-i selepas tarikh kuat kuasa bagi sebarang perubahan terma dan syarat akan dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa syarat oleh Pemegang Kad.

12. RHB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pemegang Kad untuk sebarang kesulitan, kerugian atau kerosakan atau rasa malu yang ditanggung atau dialami oleh Pemegang Kad akibat daripada, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) apa-apa kerosakan, kelemahan atau kesilapan dalam mana-mana terminal, atau mesin lain, atau sistem kelulusan, walau bagaimanapun ia disebabkan; atau
 - b) apa-apa penolakan Kad Korporat-i atau PIN oleh mana-mana terminal di kedai rakan dagangan atau sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau melengkapkan mana-mana transaksi, walau bagaimanapun ia disebabkan; atau
 - c) apa-apa kelewatan atau ketidakupayaan pada bahagian mekanikal, sistem, pemprosesan data atau kelemahan atau kegagalan telekomunikasi, atau apa-apa kejadian di luar kawalannya atau kawalan mana-mana rakan dagangan; atau
 - d) apa-apa kelewatan, ketidakupayaan atau kengganan daripada pihak rakan dagangan untuk melaksanakan sebarang kewajipan mereka menurut perjanjian rakan dagangan mereka atas apa jua sebab.

13. Terma dan Syarat berkaitan yang dinyatakan di sini adalah betul dan digunakan pada masa percetakan. Sila rujuk laman web RHB di www.rhbgroup.com untuk sebarang kemas kini akan datang terhadap Kad Korporat-i.